

1981

KUALA LUMPUR, 16 DIS. (BERNAMA)—PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI WALAUPUN MATLAMAT 30 PERATUS PEMILIKAN BUMIPUTERA MUNGKIN TELAH DICAPAI DALAM BIDANG-BIDANG TERTENTU EKONOMI NEGARA, ANGKA TERSEBUT BUKANLAH TETAP.

KATANYA SEMAKIN EKONOMI BERKEMBANG APA YANG DIANGGAP 30 PERATUS SEKARANG MUNGKIN TIDAK TETAP 30 PERATUS DI MASA DEPAN.

BELIAU MENGULAS LAPORAN YANG MENYATAKAN BUMIPUTERA TELAH MENCAPAI MATLAMAT 30 PERATUS DI BAWAH-DASAR EKONOMI BARU DALAM PERTEMUANNYA DENGAN AKHBAR DI SINI.

BELIAU MENAMBAH +KITA TIDAK BOLEH KATA OLEH KERANA KITA TELAH MENCAPAI MATLAMAT 30 PERATUS ITU, DEB TIDAK DIPERLUKAN LAGI.+

MENTERI KEWANGAN TENGGU RAZALEIGH JUGA PERNAH BERKATA BARU-BARU INI SUNGGUHPUN BUMIPUTERA MENGUASAI SETENGAH-SETENGAH SEKTOR EKONOMI MEREKA MASIH BELUM MENCAPAI MATLAMAT DEB SECARA MENYELURUH.--

BERSAMBUNG 1515/HM

MAHATHIR-BUMIPUTERA 2 KUALA LUMPUR

SEPERTI YANG DISEBUTKAN DALAM RENCANGAN MALAYSIA KEEMPAT, BILA DIPANDANG SECARA MENYELURUH, MASYARAKAT BUMIPUTERA HANYA MENGUASAI 12.4 PERATUS DARIPADA KESELURUHAN EKONOMI NEGARA.

MENGENAI RUNDINGANNYA DENGAN PERDANA MENTERI SINGAPURA ENCIK LEE KUAN YEW ESOK, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MEREKA MUNGKIN AKAN MENINJAU CARA TERBAIK UNTUK MEMPERBAIKI HUBUNGAN PERDAGANGAN DAN EKONOMI ANTARA KEDUA-DUA NEGARA.

--BERNAMA 1518/HM